



LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR

DPB50163 BUSINESS PROJECT

DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN

TAJUK: EP&A

NAMA	NO PENDAFTARAN
MOHD ARIEF HAIQAL BIN MOHD FAUZI	10DLS19F1114
SURENDRAN A/L ARUMUGAM	10DLS19F1215
KOGELAH A/P SIVARAJA	10DLS19F1203
NOORHAYATI BINTI RIDZUAN	10DLS19F1110
MUHAMAD AQIL BIN ZULKIFLI	10DLS19F1112

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2021/2022

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus DPB50163 Business Project, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui :

Ketua Jabatan
Jabatan Perdagangan
Politeknik Seberang Perai,
Jalan Permatang Pauh,
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk “EP&A” telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia : SHARIPAH KHADIJAH BINTI S.HASHIM

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Nama Penyelia Bersama : PN HASNIEZA BINTI MOKHTAR

Tandatangan Penyelia Bersama :

Tarikh :

Disahkan Oleh:

Nama Penyelaras : DR ROHANI BINTI M.M. YUSOFF

Tandatangan Penyelaras :

Tarikh :

PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan: *Arief*
Nama: MOHD ARIEF HAIQAL BIN MOHD FAUZI
No. Pendaftaran: 10DLS19F1114

2. Tandatangan: *Surendran*
Nama: SURENDRAN A/L ARUMUGAM
No. Pendaftaran: 10DLS19F1215

3. Tandatangan: *Kogelah*
Nama: KOGELAH A/P SIVARAJA
No. Pendaftaran: 10DLS19F1203

4. Tandatangan: *Noorhayati*
Nama: NOORHAYATI BINTI RIDZUAN
No. Pendaftaran: 10DLS19F1110

5. Tandatangan: *Aqil*
Nama: MUHAMAD AQIL BIN ZULKIFLI
No. Pendaftaran: 10DLS19F1112

**AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK
KAJIAN KEPERLUAN DAN KEBERKESANAN EP&A**

1. Kami,
Mohamad Arief Haiqal Bin Mohamad Fauzi (011114-02-0249)
Noorhayati Binti Ridzuan (001215-08-1122)
Surendran A/L Arumugam (000406-08-0857)
Kogelah A/P Sivaraja (000730-08-1050)
Muhamad Aqil Bin Zulkifli (010724-07-0047)
adalah pelajar Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, yang beralamat di Jalan Permatang Pauh,13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.
2. Kami mengakui bahawa projek EP&A dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah adalah hasil karya dan reka cipta asli kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak-pihak lain.
3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek projek EP&A kepada Syarikat Xceed Serum bagi memenuhi keperluan dan penganugerahan Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan kepada kami.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut :	
MOHD ARIEF HAIQAL BIN MOHD FAUZI No. Kad Pengenalan : 011114-02-0249
SURENDRAN A/L ARUMUGAM No. Kad Pengenalan : 000406-08-0857
KOGELAH A/P SIVARAJA No. Kad Pengenalan : 000730-08-1050
NOORHAYATI BINTI RIDZUAN No. Kad Pengenalan : 001215-08-1122
MUHAMAD AQIL BIN ZULKIFLI No. Kad Pengenalan : 010724-07-0047
Di hadapan saya, PN HASNIEZA BINTI MOKHTAR

ABSTRAK

EP&A merupakan satu aplikasi yang memaparkan pencapaian dan prestasi pekerja bagi membantu Syarikat Xceed Serum dalam meningkatkan motivasi pekerja. Kajian dilakukan terhadap sebuah syarikat iaitu Xceed Serum yang bertujuan untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh syarikat tersebut. Hasil dari kajian tersebut mendapati syarikat tersebut menghadapi beberapa masalah berkaitan ejen. Syarikat Xceed Serum menghadapi masalah apabila terdapat ejen tidak bersemangat dalam menjalankan dan mengembangkan perniagaan ini. Hal ini berlaku apabila, ejen merasa tidak dihargai oleh pihak HQ. Selain itu, ejen yang direkrut tidak konsisten melakukan jualan, ia disebabkan ejen tersebut perlu diarah untuk melakukan promosi di media sosial. Di samping itu, syarikat ini juga mempunyai ejen yang mendiamkan diri tanpa sebarang kenyataan. Pada awal penyertaan, ejen tersebut mempunyai semangat untuk mengubah hidup tetapi semakin lama semakin kurang percaya terhadap diri sendiri. Tujuan penghasilan EP&A adalah untuk meningkatkan persaingan di kalangan ejen dengan cara memaparkan pencapaian secara terbuka. Jangkaan penerimaan ejen terhadap EP&A ini adalah positif disebabkan setiap ejen boleh membandingkan pencapaian dengan ejen lain, sekaligus mampu meningkatkan motivasi pekerja untuk mencapai sasaran jualan yang ditetapkan oleh syarikat. Oleh itu, pengkaji telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan EP&A kepada semua ejen di Syarikat Xceed Serum.

ABSTRACT

EP&A is an application that displays the achievements and performance of employees to help the company Xceed Serum in increasing employee motivation. The study was conducted on a company called Xceed Serum which aims to find out the problems faced by the company. The results of the study found that the company faced several problems related to agents. Xceed Serum company faces problems when there are agents who are not enthusiastic in running and growing this business. This happens when the agent feels unappreciated by HQ. In addition, recruited agents do not consistently make sales, it is because the agent needs to be instructed to do promotions on social media. In addition, the company also has agents who remain silent without any statement. At the beginning of the participation, the agent had a passion for life -changing but gradually became less self -confident. The purpose of EP&A production is to increase competition among agents by publicly displaying achievements. The expectation of agents' acceptance of this EP&A is positive because each agent can compare the performance with other agents, thus being able to increase employee motivation to achieve sales targets set by the company. Therefore, the researcher has taken the initiative to introduce EP&A to all agents in Xceed Serum company

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project yang bertajuk EP&A, bagi Sesi 1 2021/2022.

Penghargaan ini dihulurkan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada mereka dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project, Puan Sharipah Khadijah binti S.Hashim sebagai Pensyarah Kursus dan Pn Hasnieza Binti Mokhtar sebagai Penyelia bagi program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	i
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	ii
AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
PENGHARGAAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xiii
1.0 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang Projek Inovasi	1
1.3 Pernyataan Masalah	2
1.4 Objektif Projek Inovasi	3
1.5 Persoalan Projek Inovasi	4
1.6 Justifikasi Projek Inovasi	4
1.7 Skop Projek Inovasi	7
1.8 Kepentingan Projek Inovasi	7
1.9 Takrifan Istilah	8
1.10 Rumusan bab	9

2.0	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	10
2.2	Kajian Terdahulu	10
2.3	Rumusan bab	14
3.0	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	15
3.2	Maklumat Projek Inovasi	15
3.3	Proses Pembangunan Projek Inovasi	16
3.4	Pembaharuan dan Keunikan Projek Inovasi	22
3.5	Kaedah Kajian	23
3.6	Rumusan bab	24
4.0	DAPATAN DAN ANALISIS PROJEK INOVASI	
4.1	Pendahuluan	25
4.2	Analisis Situasi	25
4.3	Analisis Kewangan	30
4.3.1	Kos penghasilan projek inovasi	30
4.3.2	Kos penghasilan projek inovasi per unit	30
4.3.3	Peletakan harga projek inovasi	30
4.3.4	Justifikasi kos pelaksanaan projek inovasi	31
4.4	Impak Projek	31
4.5	Pengkomersialan (target pengguna)	33
4.6	Rumusan bab	33

5.0	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	34
5.2	Kesimpulan keseluruhan projek	34
5.3	Cadangan penambahbaikan	36
5.4	Limitasi projek	37
5.5	Rumusan bab	38
	RUJUKAN	40
	LAMPIRAN	
	Lampiran 1 – Carta Gantt	42

SENARAI RAJAH

BIL JADUAL	NAMA JADUAL	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Produk yang dihasilkan oleh Syarikat Xceed Serum.	5
Rajah 3.1	Penggunaan Komputer Riba untuk melaksanakan semua proses dalam pembangunan Aplikasi EP&A.	16
Rajah 3.2	Penggunaan perisian aplikasi <i>Canva</i> untuk menghasilkan paparan antara muka prestasi ejen secara bulanan.	16
Rajah 3.3	Penggunaan perisian aplikasi <i>Google Sites</i> untuk memaparkan halaman antara muka prestasi ejen.	17
Rajah 3.4	Penggunaan perisian aplikasi <i>Thinkable</i> sebagai platform utama pembangunan EP&A.	17
Rajah 3.5	Paparan antara muka proses kemaskini maklumat pencapaian ejen menggunakan perisian aplikasi <i>Canva</i> .	18
Rajah 3.6	Paparan antara muka utama perisian aplikasi <i>Google Sites</i> .	19
Rajah 3.7	Paparan antara muka laman utama EP&A.	19
Rajah 3.8	Paparan antara muka maklumat pencapaian bagi setiap ejen Syarikat Xceed Serum menerusi aplikasi EP&A.	19

Rajah 3.9	Paparan antara muka proses pembangunan aplikasi EP&A di dalam perisian aplikasi <i>Thunkable</i> .	20
Rajah 3.10	Paparan antara muka melalui <i>Web Viewer</i> di dalam perisian aplikasi <i>Thunkable</i> bagi menghubungkan maklumat di dalam perisian aplikasi <i>Google Sites</i> .	20
Rajah 3.11	Paparan antara muka proses memasukkan pautan daripada perisian aplikasi <i>Google Sites</i> di dalam bentuk <i>Uniform Resource Locators (URL)</i> .	21
Rajah 3.12	Paparan antara muka bagi setiap bahagian yang terdapat di dalam aplikasi EP&A.	21
Rajah 4.1	Fasa pertama aplikasi EP&A.	28
Rajah 4.2	Aplikasi EP&A yang dihasilkan oleh pengkaji.	29
Rajah 4.3	Strategi aplikasi yang telah dimasukkan sebagai fungsi tambahan.	29

SENARAI JADUAL

BIL JADUAL	NAMA JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Analisis SWOT untuk projek inovasi yang akan dibangunkan.	6
Jadual 3.1	Senarai Soalan Temubual Sebelum Penghasilan Projek.	23
Rajah 3.2	Senarai Soalan Temubual Selepas Penghasilan Projek.	24
Jadual 4.1	Dapatan Temubual Sebelum Penghasilan Projek.	26
Jadual 4.2	Senarai Soalan Temubual Selepas Penghasilan Projek	27
Jadual 4.3	Kos penghasilan aplikasi EP&A	30
Jadual 4.4	Impak Produk Terhadap Persaingan	32
Jadual 4.5	Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Aplikasi	33
Jadual 5.1	Analisis SWOT	35

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Projek inovasi ini secara umumnya bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Syarikat Xceed Serum dalam memastikan ejen yang dilantik kekal bersemangat dan bermotivasi dalam mengembangkan syarikat ini. Selain itu, ia bertujuan untuk menghasilkan EP&A yang boleh digunakan untuk meningkatkan motivasi ejen untuk terus berusaha meningkatkan prestasi jualan masing-masing.

1.2 LATAR BELAKANG PROJEK INOVASI

Motivasi pekerja adalah elemen yang paling penting bagi semua organisasi untuk mencapai tujuan bersama atau peribadi yang memfasilitasi perubahan perilaku, jika pekerja lebih termotivasi maka performa mereka akan meningkat (Shahzadi et. al, 2016).

Motivasi adalah dorongan dasar yang menggerakkan seseorang bertingkah laku. Dorongan ini berada pada diri seseorang yang menggerakkan untuk melakukan sesuatu yang sesuai dengan dorongan dalam dirinya (H. Hamzah, 2021).

Motivasi seseorang pekerja akan mempengaruhi tindakan seseorang. Apabila pekerja mempunyai motivasi yang tinggi, mereka akan melakukan yang terbaik dalam sebarang tindakan berbanding dengan pekerja yang tidak mempunyai motivasi. Oleh itu, syarikat perlu memberi keutamaan kepada motivasi pekerja supaya objektif dan matlamat syarikat dapat dicapai.

Menurut kajian daripada (Ghosh et al, 2017), apabila organisasi mengiktiraf sumbangan mereka dan menunjukkan kebimbangan untuk kesejahteraan mereka dan menyediakan

persekitaran kerja yang positif, maka pekerja mungkin tinggal dan tetap dengan organisasi. Selain itu, pengurus atau organisasi haruslah memberikan pengiktirafan atau penghargaan kepada para pekerja yang bertungkus-lumus bekerja untuk memajukan organisasi bagi menghalang mereka untuk mencari tempat kerja lain.

Ejen akan menunjukkan komitmen yang baik dan terus kekal bersama dengan syarikat walaupun syarikat menghadapi pelbagai masalah. Hal ini disebabkan ejen mempunyai motivasi yang tinggi untuk berusaha memajukan diri sendiri dan mengembangkan perniagaan mengikut matlamat yang telah ditetapkan.

Oleh itu, motivasi seseorang ejen amat penting untuk memastikan peranan dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dalam masa yang sama dapat mencapai sasaran jualan syarikat.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Hasil daripada kajian yang kami lakukan terhadap Syarikat Xceed Serum, kami mendapati Syarikat Xceed Serum ini menghadapi masalah tahap motivasi ejen yang rendah apabila terdapat ejen tidak mempunyai semangat berbanding ketika mula menyertai ejen.

Menurut ahli psikologi Frederick Herzberg, keyakinan pekerja berkait rapat dengan kerja yang dilakukan. Sikap pekerja biasanya menentukan kejayaan ataupun kegagalan mereka dalam melaksanakan tugas. Kebanyakan ejen terlalu berharap menerima pelanggan yang banyak pada permulaan menyertai syarikat ini. Namun, apabila gagal mendapatkan sasaran jualan yang diinginkan, menyebabkan mereka rasa lemah semangat dan berhenti berusaha untuk mencapai apa yang mereka inginkan.

Menurut Douglas McGregor, menyatakan Teori X mengandaikan pekerja tidak suka bekerja, malas, tidak suka pada tanggungjawab dan perlu dipaksa melaksanakan sesuatu pekerjaan manakala Teori Y mengandaikan pekerja suka bekerja, bersemangat, kreatif dan sentiasa cuba mencari tanggungjawab serta bersedia melaksanakan tugas dengan kawalan yang minimum.

Selain itu, ejen yang direkrut juga tidak konsisten melakukan jualan. Ia disebabkan oleh ejen tersebut perlu diarah untuk melakukan promosi di media sosial. Dalam masa yang sama, syarikat terpaksa menyediakan semua bahan periklanan dan mengarahkan atau mengingatkan ejen untuk melakukan periklanan di media sosial.

Di samping itu, syarikat ini juga mempunyai ejen yang mendiamkan diri tanpa sebarang kenyataan. Syarikat telah cuba menghubungi ejen tersebut, namun tidak dibalas. Hal ini, mungkin disebabkan oleh ejen tersebut telah tawar hati menjadi ejen di syarikat tersebut.

Justeru itu, pengkaji mencipta EP&A untuk memastikan ejen terus kekal bersemangat dan bersaing antara satu sama lain. Hal ini berlaku apabila pencapaian dan prestasi ejen akan dipaparkan secara umum secara tidak langsung dapat membandingkan prestasi antara satu sama lain.

1.4 OBJEKTIF PROJEK INOVASI

1.4.1 Objektif Am

Projek ini dijalankan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Syarikat Xceed Serum dalam memastikan prestasi dan pencapaian ejen dapat ditingkatkan. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk menghasilkan EP&A yang boleh digunakan untuk memaparkan pencapaian dan prestasi jualan ejen secara terbuka.

1.4.2 Objektif Khusus

Objektif khusus adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti kelemahan yang dihadapi oleh Syarikat Xceed Serum dalam meningkatkan motivasi ejen.
- ii. Menghasilkan EP&A yang dapat digunakan untuk memaparkan pencapaian dan prestasi ejen dari semasa ke semasa agar dapat meningkatkan persaingan dalam kalangan ejen.

1.5 PERSOALAN PROJEK INOVASI

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, persoalan bagi projek inovasi ini adalah :

- i) Apakah kelemahan Syarikat Xceed Serum dalam meningkatkan motivasi ejen?
- ii) Bagaimanakah aplikasi EP&A yang dihasilkan dapat membantu pihak syarikat untuk meningkatkan motivasi ejen?

1.6 JUSTIFIKASI PROJEK INOVASI

1.6.1 Pemilihan Syarikat

Syarikat Xceed Serum merupakan sebuah perniagaan yang mengeluarkan produk penjagaan muka yang telah ditubuhkan pada 15 Oktober 2020 dan telah diperbadankan pada Disember 2020. Syarikat ini terletak di No.3 Lengkok Semilang, Seberang Jaya, 13700 Perai, Pulau Pinang.

Syarikat Xceed Serum diuruskan sepenuhnya oleh Mohamad Adam Buqhary Bin Mohd Fauzi sebagai pengurus besar dan mempunyai beberapa ejen yang bertindak sebagai wakil jualan untuk mengembangkan perniagaan ini.

Pengkaji membuat pilihan untuk bekerjasama dengan Syarikat Xceed Serum adalah untuk mencapai beberapa objektif yang telah pengkaji nyatakan. Pengkaji bercadang untuk menghasilkan satu produk inovasi iaitu EP&A yang akan memaparkan prestasi dan pencapaian ejen secara tidak langsung meningkatkan motivasi ejen.

Penciptaan EP&A ini tidak hanya mampu meningkatkan motivasi pekerja tetapi dapat meningkatkan persaingan di kalangan ejen. Aplikasi ini sangat sesuai dengan Syarikat Xceed Serum yang merupakan syarikat baru ditubuhkan untuk meningkatkan motivasi ejen.

Justeru itu, penggunaan EP&A ini perlu diterapkan di dalam Syarikat Xceed Serum supaya dapat memastikan setiap ejen mempunyai motivasi dalam mengembangkan syarikat ini.

1.6.2 Produk yang dikeluarkan oleh syarikat



Rajah 1.1: Produk yang dihasilkan oleh Syarikat Xceed Serum.

1.6.3 Analisis SWOT (Strength Weaknesses Opportunities Threat)

Pengkaji telah memilih analisis SWOT sebagai satu strategi mengenalpasti keperluan serta peluang bagi menjalankan projek ini. Analisis SWOT merupakan satu kerangka atau kaedah untuk mengenalpasti dan menganalisa kekuatan (*strength*), kelemahan (*weaknesses*), peluang (*opportunities*) serta ancaman (*threat*) sebelum sesuatu keputusan dibuat oleh pihak pengurusan sesebuah organisasi.

Maklumat yang digunakan untuk analisis SWOT ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan hasil temubual pengkaji dengan pemilik syarikat Xceed Serum iaitu Mohamad Adam Buqhary Bin Mohamad Fauzi dan temubual terhadap 10 ejen berkaitan isu serta keperluan penghasilan projek. Hasil daripada pemerhatian dan maklumbalas, pengkaji telah mengenalpasti projek inovasi yang dapat dibangunkan untuk menangani isu yang diketengahkan. Pengkaji juga telah mengenalpasti peluang serta ancaman yang mungkin terpaksa dihadapi daripada projek inovasi yang dibangunkan. Jadual 1.1 merupakan analisis SWOT untuk projek inovasi yang akan dibangunkan.

Jadual 1.1: Analisis SWOT untuk projek inovasi yang akan dibangunkan

Kekuatan <i>(Strength)</i>	Kelemahan <i>(Weaknesses)</i>	Peluang <i>(Opportunities)</i>	Ancaman <i>(Threats)</i>
1) Mesra pengguna 2) Kos penghasilan yang rendah 3) Mudah diuruskan oleh pihak syarikat	1) Memerlukan rangkaian internet	1) Peluang syarikat untuk meningkatkan motivasi ejen 2) Peluang syarikat untuk meningkatkan persaingan dikalangan ejen 3) Peluang syarikat untuk meningkatkan jualan dan keuntungan	1) Boleh dimanipulasi oleh syarikat lain kerana masih belum mendapat hakcipta

1.7 SKOP PROJEK INOVASI

Kajian ini secara umumnya tertumpu pada pengurusan bidang logistik dan rantaian bekalan yang membincangkan berkaitan pengurusan pengedaran, khususnya berkaitan dengan ejen. Ejen merupakan pengedar yang bertanggungjawab untuk mempromosi dan menjual barang kepada pelanggan. Oleh itu, syarikat perlu memastikan motivasi ejen berada pada tahap optimum agar dapat meningkatkan jualan syarikat.

Secara khususnya, kajian ini berfokus kepada dua objektif utama. Pertama, untuk mengetahui masalah berkaitan ejen dalam memastikan ejen kekal bermotivasi. Kedua, untuk menghasilkan EP&A supaya ejen lebih bersemangat dan kekal berusaha untuk mengembangkan syarikat ini.

Apabila ejen mempunyai motivasi yang tinggi, secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi. Justeru itu, sasaran yang diletakkan oleh syarikat dapat dicapai. Apabila sasaran penjualan dicapai, maka lebih inventori dapat dielakkan secara tidak langsung mengurangkan kos penyimpanan produk tersebut.

1.8 KEPENTINGAN PROJEK INOVASI

Projek inovasi yang dijalankan ini memberi kepentingan dari segi:

- i) Meningkatkan motivasi ejen supaya lebih bersemangat dalam mengembangkan produk ke seluruh Malaysia.
- ii) Meningkatkan persaingan di kalangan ejen dengan memaparkan prestasi semasa bagi setiap ejen secara terbuka.
- iii) Meningkatkan prestasi ejen dari semasa ke semasa.
- iv) Meningkatkan usaha ejen dalam melakukan promosi dan periklanan.

1.9 TAKRIFAN ISTILAH

Berikut merupakan takrifan istilah yang berkaitan dengan projek inovasi yang dilaksanakan :

a) Motivasi

- Menurut kamus dewan edisi keempat (2005), menyatakan motivasi adalah keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan.
- Menurut Masnih Mustapa (2020) motivasi dianggap sebagai salah satu faktor utama yang dapat mempengaruhi prestasi pekerja dalam organisasi.
- Menurut kajian ini, motivasi adalah merujuk kepada tingkah laku ejen syarikat Xceed Serum yang akan mempengaruhi prestasi semasa.

b) Pencapaian

- Menurut kamus dewan edisi keempat (2005), menyatakan pencapaian adalah apa yang telah dihasilkan atau diperoleh.
- Menurut Isa Indrawan (2017) prestasi kerja pegawai suatu organisasi dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya motivasi, etika kerja, pengalaman kerja, budaya kerja, disiplin kerja dan lingkungan kerja.
- Menurut kajian ini, prestasi adalah merujuk kepada tingkah laku ejen dalam mempromosi produk Xceed Serum.

c) Ejen

- Menurut kamus dewan edisi keempat (2005), menyatakan ejen adalah orang yang menjalankan perniagaan untuk orang lain, wakil penjual: barang-barang gudang

kalau dibeli daripadanya tentu lebih murah / orang yg diupah (digaji) utk melakukan sesuatu utk orang lain (pemerintah dll).

- Menurut Wan Azlan et. al, (2020) ejen merupakan orang yang menjalankan perniagaan untuk orang lain atau orang yang diupah (digaji) untuk melakukan sesuatu untuk orang lain.
- Menurut kajian ini, ejen merujuk kepada orang yang mempromosi dan mengiklankan produk Syarikat Xceed Serum kepada pelanggan dan bakal pelanggan.

1.10 RUMUSAN BAB

Keseluruhan bab ini adalah berkaitan dengan pengkaji mengenal pasti masalah Syarikat Xceed Serum dan telah mencadangkan EP&A untuk menyelesaikan masalah tersebut. Cadangan penciptaan EP&A ini telah dipersetujui oleh semua pengkaji dan Syarikat Xceed Serum.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini menjelaskan kajian terdahulu yang berkaitan dengan bidang projek inovasi dan diakhiri dengan rumusan secara ringkas. Kajian literatur merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku, prosiding dan kajian lepas untuk sesuatu kajian terbaharu. Pengkaji mengenalpasti dapatan-dapatan penyelidik lain dalam bidang yang dikaji. Projek inovasi yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah dalam bidang logistik dan rantaian bekalan iaitu penghasilan Aplikasi EP&A yang membantu dalam meningkatkan prestasi ejen syarikat Xceed Serum dalam meningkatkan jualan syarikat. Kajian literatur meliputi tiga bahagian iaitu aplikasi telefon mudah alih, logistik dan rantaian bekalan dan pengurusan prestasi.

2.2 KAJIAN TERDAHULU

A) Teknologi Aplikasi Mudah.

Menurut Datuk Azman Mahmud (2021), kecerdasan buatan dan teknologi pada masa kini merujuk kepada perkongsian pintar menerusi rangkaian jaringan internet. Teknologi pintar boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu *Cloud computing, Augmented reality, Big data, IOT, Simulation* etc. Secara keseluruhan, kajiannya mendapati teknologi pada masa kini amat membantu di dalam perjalanan harian organisasi, di mana ianya memanfaatkan syarikat di Malaysia agar mempunyai kemahiran terkini dan bagi memastikan operasi firma berjalan dengan lebih efisien.

Menurut Sawitri (2016), teknologi merupakan suatu sistem yang mengubah aktiviti harian individu. Menurut beliau, kehadiran teknologi telah memainkan peranan dalam membentuk keperibadian seseorang dan ianya amat berkait rapat antara teknologi maklumat dan individu. Oleh itu, peranan teknologi maklumat dalam pelbagai bidang

kehidupan dapat difahami kerana ia menfokuskan kepada pengawal seliaan sistem maklumat dengan menghubungkan bersama komputer yang berpotensi untuk meningkatkan prestasi individu dan organisasi dalam mencapai satu keputusan.

Menurut Butarbutar.M (2017), teknologi aplikasi adalah merujuk kepada pembangunan maklumat di dalam suatu halaman canggih. Menurut beliau penggunaan teknologi aplikasi adalah digunakan untuk menukarkan data kepada maklumat yang berguna dan menjadikan kerja lebih mudah, cekap dan berkesan. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa pengadaptasian teknologi khususnya pada bidang yang memerlukannya berpotensi menjimatkan kos, masa dan tenaga.

Menurut Pena et. al, (2020), teknologi informasi adalah merujuk kepada teknologi yang direka bentuk untuk belajar dan bekerja untuk sesuatu yang tidak diprogramkan sebelum ini. Menurut beliau penggunaan teknologi informasi ini digunakan untuk pelbagai tujuan ini termasuklah pengecaman wajah, perlombongan data, analisis data serta kontrak pintar. Dengan ini, kajian dilihat menjurus kepada penggunaan elemen teknologi 4.0 di dalam menguruskan aspek penting keselamatan.

Menurut Praherdiono (2019), Aplikasi adalah merujuk kepada pembantu peribadi di alam maya. Menurut beliau, ia menyifatkan media sosial sebagai platform perbincangan dan perkongsian maklumat. Tambahan pula, media sosial yang terdapat pada hari ini merupakan halaman kegemaran bagi pelbagai peringkat umur yang sering digunakan. Beliau juga menjustifikasikan bahawa aplikasi ini telah terintegrasi bersama aplikasi media sosial lain yang berasaskan teknologi seperti *Facebook* milik Mark Zuckerberg, *Whatsapp* milik Jan Koum dan *Twitter* milik Jack Dorsey. Oleh itu, jelaslah kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang penting di antara aplikasi dan sistem maklumat.

B) Pengurusan Logistik Dan Rantaian Bekalan.

Menurut Salleh Hudin (2017), pengurusan rantaian bekalan yang gagal adalah merujuk kepada risiko luaran dan dalaman yang berkaitan dengan rantaian bekalan. Sehubungan dengan itu, menurut beliau terdapat beberapa risiko utama yang dihadapi oleh kebanyakan syarikat di Malaysia khususnya. Antara masalah utama yang terdapat adalah disebabkan oleh kualiti bahan mentah yang dibekalkan, penghantaran lewat komponen dan bahagian import dan kemahiran pekerja yang tidak mencukupi. Dengan ini kajian mengenal pasti terdapat punca berlakunya ketidakcekapan di dalam pengurusan rantaian bekalan.

Menurut Soares et. al, (2017), Teknologi rantaian bekalan adalah merujuk kepada proses perkongsian maklumat yang berfungsi sebagai kunci kepada integrasi di dalam pengurusan rantaian bekalan. Menurut mereka proses perkongsian maklumat tersebut menghubungkan pembekal, pengilang, pengedar dan pengguna secara berkesan untuk mencapai semua objektif prestasi jangka panjang yang efektif.

Menurut Kausar et. al, (2017), Penggunaan teknologi inovasi maklumat (*IT*) di dalam pengurusan logistik adalah merujuk kepada suatu bentuk infrastruktur jaringan rangkaian berbeza yang mengesahkan sesuatu transaksi. Menerusi penggunaan ini ianya dapat menjadikan aliran proses pengurusan logistik di dalam sesebuah organisasi lebih cekap dan efisien.

Menurut Herlinda (2016), Pengurusan pengedaran adalah merujuk kepada melengkapkan proses kitaran produk. Menurut beliau pengedaran adalah kaedah untuk membolehkan produk yang akan dihantar kepada pengguna akhir yang merangkumi pelbagai komponen iaitu pembekal bahan mentah, unit pembuatan, gudang, pengangkutan, peruncit, dan penjual. Oleh yang demikian, kajian ini menunjukkan penilaian terhadap sistem pengedaran yang efektif dalam kalangan pemilik syarikat.

Menurut Mubiena (2016), pengurusan bidang logistik adalah merujuk kepada proses mereka bentuk sistem aliran teratur. Tambahan pula, menurut beliau pendekatan yang diambil dalam merencana proses mereka bentuk sistem aliran yang teratur akan mewujudkan keadaan di mana ianya membolehkan masalah dalam suatu proses dapat dikenal pasti dengan lebih awal supaya tindakan pembetulan dapat dilakukan segera sebelum masalah menjadi lebih serius. Oleh itu, terbukti kajian pembangunan aplikasi ini dapat membantu pihak pengurusan dalam menguruskan organisasi dan pekerja.

Menurut Jacyna-Golda (2017), teknologi rantai bekalan adalah merujuk kepada penggunaan unsur interaksi yang dihubungkan bersama maklumat. Menurut beliau struktur pergerakan barangan adalah sangat kompleks dan memerlukan pelbagai aspek seperti teknologi, ekonomi, organisasi, kualiti, keselamatan dan kebolehpercayaan. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti masalah mengenai pertukaran maklumat yang berbeza di dalam pengurusan rantai bekalan.

C) Pengurusan Prestasi/Motivasi

Menurut Seng dan Thilageswary et. al, (2020), motivasi merupakan faktor penting untuk meningkatkan prestasi kerja. Menurut mereka elemen motivasi adalah sebagai cara yang berkesan untuk organisasi meningkatkan produktiviti pekerja. Oleh itu, menurut mereka adalah penting untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pekerja.

Menurut Athony et. al (2017), program *coaching* adalah merujuk kepada bimbingan dan latihan kemahiran yang diberikan kepada individu. Menurut beliau, kaedah ini dilihat berkesan dan berjaya dalam memupuk perspektif segar dan menyokong perubahan positif kepada pekerja. Sehubungan dengan itu, *coaching* dilihat sebagai alat utama dalam meningkatkan prestasi kerja menerusi gaya kepimpinan di dalam pengurusan untuk membantu kakitangan meningkatkan potensi dan kualiti kerja.

Menurut Abdul Gusau et. al, (2017), prestasi pekerja dipengaruhi oleh beberapa aspek lain selain motivasi. Faktor lain adalah merujuk kepada status kewangan pekerja. Menerusi kajian yang dilakukan gaji merupakan satu bentuk motivasi yang membantu prestasi pekerja.

Menurut Iman et. al, (2018), putaran kerja adalah merujuk kepada pelaksanaan dan pemerksaan pekerja dalam melaksanakan tugas. Menurut mereka, hasil daripada kajian terhadap 42 penjawat awam dengan jawatan eksekutif di pejabat wilayah ketua direktorat pengurusan aset negara (DJKN) Bali dan Nusa Tenggara menunjukkan bahawa putaran agihan tugas mempengaruhi motivasi kerja yang positif dan meningkatkan komitmen terhadap organisasi. Manakala menurut Omer dan Hakan et. al, (2018), menyatakan prestasi pekerja adalah merujuk kepada pencapaian tertinggi individu dalam melaksanakan tugas. Kajian ini menunjukkan terdapat pengaruh diantara agihan tugas dan motivasi di tempat kerja.

Menurut Katou (2017), semangat motivasi pekerja adalah merujuk kepada perkembangan kerjaya dalam diri pekerja. Menurut beliau yang menyifatkan faktor sumber manusia mempunyai hubungan langsung dengan prestasi organisasi. Di samping itu, pembangunan sumber manusia yang sesuai akan menyokong prestasi pekerja dalam proses pertumbuhan dan pembangunan organisasi selaras dengan jangkaan pengurusan. Dapat disimpulkan di sini bahawa kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti elemen sumber manusia terhadap diri pekerja.

2.3 RUMUSAN

Secara keseluruhan, kajian literatur yang dibincangkan ini merangkumi bidang projek inovasi iaitu aplikasi mudah alih, logistik dan rangkaian bekalan dan pengurusan prestasi.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang EP&A dan kaedah penyelidikan yang digunakan di dalam kajian ini. Pertamanya kajian ini akan menerangkan mengenai prosedur untuk menghasilkan aplikasi EP&A. Kemudian, penjelasan mengenai penyelidikan merangkumi maklumat projek, pembaharuan dan keunikan projek dan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini.

3.2 MAKLUMAT PROJEK INOVASI

EP&A ialah satu aplikasi yang dihasilkan untuk meningkatkan motivasi ejen. Syarikat Xceed Serum sering menghadapi masalah mengenai tahap motivasi ejen yang rendah. Dengan adanya aplikasi EP&A, ia dapat meningkatkan motivasi ejen supaya lebih bersemangat dan akan meningkatkan persaingan di kalangan ejen dengan memaparkan prestasi semasa bagi setiap ejen secara terbuka. Dengan penghasilan aplikasi EP&A, ianya memiliki beberapa kelebihan seperti meningkatkan persaingan, mengurangkan perbelanjaan dan mesra alam. Perkakasan dan perisian yang digunakan untuk menghasilkan aplikasi EP&A adalah seperti berikut.


- i. Perisian aplikasi *Canva*
- ii. Perisian aplikasi *Google Sites*
- iii. Perisian aplikasi *Thunkable*
- iv. Komputer Riba

3.3 PROSES PEMBANGUNAN PROJEK INOVASI

Projek inovasi ini dinamakan EP&A. Bagi menghasilkan aplikasi ini, beberapa perkakasan dan perisian diperlukan iaitu komputer riba, perisian aplikasi *Canva*, perisian aplikasi *Google Sites* dan perisian aplikasi *Thinkable*.




Rajah 3.1: Penggunaan komputer riba untuk melaksanakan semua proses dalam pembangunan Aplikasi EP&A.



Rajah 3.2: Penggunaan perisian aplikasi *Canva* untuk menghasilkan paparan antara muka prestasi ejen secara bulanan.




Rajah 3.3: Penggunaan perisian aplikasi *Google Sites* untuk memaparkan halaman antara muka prestasi ejen.



Rajah 3.4: Penggunaan perisian aplikasi *Thinkable* sebagai platform utama pembangunan EP&A.

Langkah 1


Langkah 1 dimulakan dengan proses pengumpulan maklumat mengenai pencapaian jualan bagi setiap ejen Syarikat Xceed Serum dan dipaparkan melalui perisian aplikasi *Canva*.



Rajah 3.5: Paparan antara muka proses kemaskini maklumat pencapaian ejen menggunakan perisian aplikasi *Canva*.

Langkah 2

Langkah 2 diteruskan dengan proses kemaskini di dalam perisian aplikasi *Google Sites*. Semua maklumat setiap pencapaian ejen akan dipaparkan di atas platform ini.



Rajah 3.6: Paparan antara muka utama perisian aplikasi *Google Sites*.




Rajah 3.7: Paparan antara muka laman utama EP&A.



Rajah 3.8: Paparan antara muka maklumat pencapaian bagi setiap ejen Syarikat Xceed Serum menerusi aplikasi EP&A.

Langkah 3


Langkah 3 diteruskan dengan proses pembangunan di dalam perisian aplikasi *Thunkable*. Proses ini akan memaparkan semua maklumat di dalam pembangunan perisian aplikasi *Google Sites* kepada paparan aplikasi mudah alih.



Rajah 3.9: Paparan antara muka proses pembangunan aplikasi EP&A di dalam perisian aplikasi *Thunkable*.



Rajah 3.10: Paparan antara muka melalui *Web Viewer* di dalam perisian aplikasi *Thunkable* bagi menghubungkan maklumat di dalam perisian aplikasi *Google Sites*.



Rajah 3.11: Paparan antara muka proses memasukkan pautan daripada perisian aplikasi *Google Sites* di dalam bentuk *Uniform Resource Locators (URL)*.

Langkah 4

Langkah 4 diteruskan dengan proses uji lari setiap fungsi yang dibangunkan di dalam setiap bahagian aplikasi EP&A.



Rajah 3.12: Paparan antara muka bagi setiap bahagian yang terdapat di dalam aplikasi EP&A.

3.4 PEMBAHARUAN DAN KEUNIKAN PROJEK INOVASI

Sebelum EP&A ini dihasilkan, ejen Syarikat Xceed Serum kurang motivasi dan persaingan di kalangan ejen. Tetapi dengan adanya aplikasi EP&A, ia dapat meningkatkan persaingan di kalangan ejen dengan cara memaparkan pencapaian seseorang secara terbuka. Aplikasi EP&A ini boleh diakses di mana-mana sahaja dengan sokongan internet. Aplikasi ini juga dicipta dengan menggunakan beberapa aplikasi iaitu, *Google Sites*, *Canvas* dan *Thunkable*. Sebelum ini, Syarikat Xceed Serum hanya menampalkan setiap pencapaian ejen di papan kenyataan tetapi ia tidak memberi kesan terhadap motivasi ejen. Ia disebabkan ejen Syarikat Xceed Serum terdapat di seluruh malaysia. Oleh itu, bukan semua ejen dapat melihat pencapaian ejen lain. Tetapi dengan adanya aplikasi EP&A ini, ejen dapat melihat pencapaian ejen lain walaupun berada di merata tempat secara tidak langsung dapat meningkatkan persaingan dikalangan ejen.

Sepanjang tempoh pembaharuan dan keunikan produk ini, keberkesanan terhadap aplikasi ini telah dibuktikan apabila ianya telah dicuba oleh beberapa ejen Syarikat Xceed Serum.

Sepanjang tempoh pelaksanaannya, ia telah memenuhi ciri-ciri berikut: (Impak Produk)

- i. Meningkatkan persaingan: Ejen akan rasa tercabar apabila melihat ejen lain memperoleh jualan yang tinggi.
- ii. Mengurangkan perbelanjaan: Syarikat tidak perlu mengeluarkan kos yang tinggi untuk meningkatkan motivasi ejen.
- iii. Mesra alam: Penghasilan EP&A dapat menggantikan kaedah lama yang digunakan oleh syarikat iaitu menampal pencapaian ejen di papan kenyataan secara tidak langsung mengurangkan penggunaan kertas.
- iv. Menambah pengetahuan: Ejen dapat memperoleh ilmu berkaitan pemasaran yang terdapat pada ciri tambahan di dalam aplikasi EP&A.
- v. Mudah diuruskan: Penggunaan *web viewer* yang dihubungkan dengan *Thunkable* dapat memudahkan Syarikat Xceed Serum mengemaskini maklumat.

3.5 KAEDAH KAJIAN

Terdapat beberapa jenis instrumen digunakan untuk mengumpulkan maklumat dalam kajian. Satu daripada instrumen yang mempunyai kaitan dengan kaedah kualitatif adalah menggunakan teknik temubual. Kajian ini dijalankan dengan menjalankan temubual berstruktur bersama pemilik dan ejen Syarikat Xceed Serum berkenaan masalah yang dihadapi oleh syarikat tersebut. Temubual berstruktur adalah dijalankan secara formal, dirancang teliti selaras dengan objektif kajian dan soalan tidak perlu banyak untuk mengelakkan data terpesong daripada objektif kajian dan merumitkan kerja mengurus dan menganalisis data.

Kaedah ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan membantu dalam penghasilan aplikasi ini. Soalan temubual bersama pemilik dan ejen Syarikat Xceed Serum adalah seperti berikut bagi mendapatkan dapatan keperluan sebelum menghasilkan projek inovasi Aplikasi EP&A.

Jadual 3.1: Senarai Soalan Temubual Sebelum Penghasilan Projek

Bil	Soalan Temubual
1	Adakah Syarikat Xceed Serum menghadapi sebarang masalah dalam meningkatkan motivasi bekerja ejen?
2	Adakah dengan memaparkan pencapaian ejen secara umum akan mempengaruhi motivasi bekerja ejen?
3	Adakah kaedah lama iaitu memaparkan pencapaian dan prestasi ejen perlu diperbaiki?
4	Adakah anda memerlukan perubahan dalam melaksanakan strategi bagi meningkatkan motivasi bekerja ejen?
5	Adakah anda bersetuju sekiranya Aplikasi EP&A dihasilkan bagi membantu Syarikat Xceed Serum dalam meningkatkan motivasi bekerja ejen?

Berikut merupakan soalan temubual bersama pemilik dan ejen Syarikat Xceed Serum setelah projek inovasi Aplikasi EP&A dihasilkan dan digunakan.

Jadual 3.2: Senarai Soalan Temubual Selepas Penghasilan Projek

Bil	Soalan Temubual
1	Adakah Aplikasi EP&A ini merupakan satu inovasi dalam memaparkan pencapaian ejen?
2	Adakah Aplikasi EP&A ini dapat membantu meningkatkan motivasi ejen?
3	Adakah Aplikasi EP&A ini dapat meningkatkan persaingan dikalangan ejen?
4	Adakah Aplikasi EP&A ini dapat meningkatkan prestasi bekerja ejen?
5	Adakah anda berminat untuk menggunakan Aplikasi EP&A ini di Syarikat Xceed Serum?
6	Adakah anda bersetuju mencadangkan Aplikasi EP&A digunakan kepada semua syarikat?

3.6 RUMUSAN BAB

Kesimpulannya, bab ini telah memfokuskan kepada langkah-langkah penghasilan aplikasi EP&A dan kaedah kajian yang digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan keperluan penghasilan projek inovasi. Selain itu, melalui bab ini juga pengkaji telah berjaya mengetahui masalah yang dihadapi oleh Syarikat Xceed Serum.

BAB 4

ANALISIS DAPATAN PROJEK INOVASI

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai analisis dapatan kajian peringkat pertama dan analisis dapatan kajian kedua. Dapatan keseluruhan dan analisis dibentangkan dalam bentuk jadual, rajah dan pernyataan bagi membolehkan penemuan penting dalam projek inovasi dikemukakan. Bab ini disusun mengikut hierarki persoalan kajian bagi menunjukkan bahawa semua persoalan telah dijawab. Seterusnya bab ini juga menjelaskan mengenai impak projek inovasi dan diakhiri dengan aspek pengkomersialan.

4.2 ANALISIS SITUASI

Projek yang dijalankan ini melibatkan beberapa fasa analisis. Sebelum fasa analisis, dapatan diperolehi berdasarkan analisis dapatan temubual sebelum dan selepas projek inovasi dihasilkan. Seterusnya, peringkat analisis yang terlibat ialah analisis dapatan kajian peringkat pertama yang melibatkan proses Fasa 1, iaitu peningkatan produk inovasi dan peringkat kedua yang melibatkan Fasa 2, iaitu pemurnian ke atas produk inovasi yang dihasilkan.

4.2.1 Analisis Dapatan Temubual Sebelum Projek Inovasi dihasilkan

Berikut merupakan dapatan temubual bersama pemilik Syarikat Xceed Serum iaitu Encik Adam Buqhary Bin Mohamad Fauzi sebelum projek inovasi aplikasi EP&A dihasilkan dan digunapakai.

Jadual 4.1: Dapatan Temubual Sebelum Penghasilan Projek

Bil	Soalan Temubual	Respon
1	Adakah Syarikat Xceed Serum menghadapi sebarang masalah dalam meningkatkan motivasi bekerja ejen?	Ya
2	Adakah dengan memaparkan pencapaian ejen secara umum akan mempengaruhi motivasi bekerja ejen?	Ya
3	Adakah kaedah lama iaitu memaparkan pencapaian dan prestasi ejen perlu diperbaiki?	Ya
4	Adakah anda memerlukan perubahan dalam melaksanakan strategi bagi meningkatkan motivasi bekerja ejen?	Ya
5	Adakah anda bersetuju sekiranya Aplikasi EP&A dihasilkan bagi membantu Syarikat Xceed Serum dalam meningkatkan motivasi bekerja ejen?	Ya

Secara keseluruhannya, pemilik Syarikat Xceed Serum bersetuju dengan semua persoalan temubual yang dikemukakan. Permasalahan wujud dalam meningkatkan motivasi ejen, wujud masalah apabila ejen tidak melakukan periklanan dan mendiamkan diri, pemilik syarikat bersetuju kaedah lama dalam memaparkan pencapaian ejen diperbaiki dan memerlukan penyelesaian dari penghasilan aplikasi EP&A yang dapat membantu meningkatkan motivasi bekerja ejen.

4.2.2 Analisis Dapatan Temubual Selepas Projek Inovasi dihasilkan

Berikut merupakan dapatan temubual bersama pemilik dan ejen Syarikat Xceed Serum setelah projek inovasi aplikasi EP&A dihasilkan dan digunapakai.

Jadual 4.2: Senarai Soalan Temubual Selepas Penghasilan Projek

Bil	Soalan Temubual	Respon
1	Adakah Aplikasi EP&A ini merupakan satu inovasi dalam memaparkan pencapaian ejen?	Ya
2	Adakah Aplikasi EP&A ini dapat membantu meningkatkan motivasi ejen?	Ya
3	Adakah Aplikasi EP&A ini dapat meningkatkan persaingan dikalangan ejen?	Ya
4	Adakah Aplikasi EP&A ini dapat meningkatkan prestasi bekerja ejen?	Ya
5	Adakah anda berminat untuk menggunakan Aplikasi EP&A ini di Syarikat Xceed Serum?	Ya
6	Adakah anda bersetuju mencadangkan Aplikasi EP&A digunakan kepada semua syarikat?	Ya

Secara keseluruhannya, pemilik dan ejen Syarikat Xceed Serum seramai 10 orang bersetuju dengan semua soalan temubual yang dikemukakan selepas penggunaan aplikasi EP&A iaitu dalam meningkatkan motivasi ejen. Semua responden bersetuju aplikasi EP&A ini merupakan satu sistem inovasi bagi memaparkan pencapaian, meningkatkan motivasi serta prestasi dan mewujudkan persaingan di kalangan ejen syarikat. Semua responden juga bersetuju dan berminat untuk menggunakan aplikasi EP&A ini di Syarikat Xceed Serum dan mencadangkan aplikasi EP&A untuk digunakan di semua syarikat yang terlibat dalam pengurusan dan data seperti prestasi pekerja.

4.2.3 Analisis Dapatan Kajian Peringkat Pertama

Sebelum aplikasi EP&A dihasilkan, setiap ejen tidak dapat membandingkan pencapaian dengan ejen lain disebabkan pencapaian ejen hanya diletakkan di papan kenyataan syarikat. Hal ini, tidak dapat memberi kesan terhadap motivasi ejen disebabkan setiap ejen Syarikat Xceed Serum berada di lokasi berbeza. Perbincangan dilakukan bagi memilih kaedah penyelesaian terbaik yang digunakan dalam menyelesaikan masalah meningkatkan motivasi ejen yang berada di lokasi berbeza. Kaedah ini dijangka lebih cekap dan dapat digunakan oleh setiap ejen walaupun di lokasi yang berbeza.

Pemerhatian penggunaan aplikasi EP&A terhadap setiap ejen Syarikat Xceed Serum telah dilaksanakan selama seminggu. Pada minggu pertama, bilangan ejen yang menggunakan aplikasi EP&A untuk melihat pencapaian semakin bertambah dari hari ke hari. Seterusnya, pemerhatian minggu kedua telah dibuat dan mendapati bilangan ejen yang menggunakan aplikasi EP&A berkurangan. Oleh itu, penambahbaikan terhadap sistem ini perlu dilakukan.

a) Fasa 1 Inovasi ditingkatkan

Pengkaji menghasilkan Aplikasi EP&A seperti di Rajah 4.1 di bawah dengan menggunakan perisian aplikasi *Canva*, *Google Sites*, *Thunkable* dan Komputer Riba. Aplikasi EP&A dibina untuk memastikan setiap ejen Syarikat Xceed Serum dapat melihat pencapaian secara atas talian dan tanpa kekangan waktu. Aplikasi ini dapat memberikan penyelesaian dalam memastikan motivasi ejen dapat ditingkatkan dengan mewujudkan persaingan dikalangan ejen.



Rajah 4.1: Fasa pertama aplikasi EP&A

4.2.4 Analisis Dapatan Kajian Peringkat Kedua

Rajah 4.2 menunjukkan aplikasi EP&A yang dihasilkan oleh pengkaji. Melalui aplikasi ini pihak pengurusan Syarikat Xceed Serum dapat membandingkan setiap pencapaian dan meningkatkan persaingan dikalangan ejen walaupun berada dilokasi yang berbeza. Tetapi, aplikasi EP&A masih lagi tidak lengkap kerana tahap penggunaannya adalah

rendah. Oleh itu, aplikasi EP&A perlu dilengkapi dengan fungsi tambahan untuk menarik minat ejen menggunakan aplikasi EP&A secara kerap.



Rajah 4.2: Aplikasi EP&A yang dihasilkan oleh pengkaji

a) Fasa 2 inovasi dimurnikan

Hasil daripada inovasi peringkat pertama, didapati aplikasi EP&A tersebut tidak lengkap disebabkan tahap penggunaan aplikasi tersebut adalah rendah. Oleh hal yang demikian, pihak pengkaji melakukan penambahbaikan bagi aplikasi tersebut. Pihak pengkaji telah memasukkan fungsi tambahan iaitu dua kaedah perkongsian ilmu yang berkaitan dengan urus kerja setiap ejen iaitu melalui koleksi video aktiviti pemasaran dan kata-kata motivasi seperti dalam Rajah 4.3



Rajah 4.3: Strategi aplikasi yang telah dimasukkan sebagai fungsi tambahan.

4.3 ANALISIS KEWANGAN

Pengkaji telah menganalisis penglibatan beberapa kos sepanjang projek dijalankan dalam menyediakan dan menghasilkan aplikasi EP&A. Analisis kewangan telah dilakukan oleh pengkaji dalam merangkumi aspek kos penghasilan projek secara per unit dan penetapan harga seunit sekiranya produk ini ingin dikomersialkan. Sub topik seterusnya memperincikan perkara-perkara yang telah dinyatakan sebelum ini.

4.3.1 Kos Penghasilan Projek

Kos penghasilan aplikasi diambil kira berdasarkan kepada setiap perisian yang diperlukan di dalam proses pembuatan projek inovasi ini. Perisian disenaraikan dan dinyatakan kos bulanan yang terlibat sebelum mengambil kira jumlah kos penghasilan projek per unit. Perbandingan kos penghasilan aplikasi EP&A di Fasa 1 dan aplikasi EP&A di Fasa 2 adalah seperti dalam jadual di bawah.

4.3.2 Kos Penghasilan Projek Per Unit

Jadual 4.3: Kos penghasilan aplikasi EP&A

BIL	BUTIRAN	KOS (RM) FASA 1	KOS (RM) FASA 2
1	<i>Thunkable</i>	RM 45.00 (Bulanan)	-

4.3.3 Peletakan Harga Projek

- i. Setelah kos penghasilan projek per unit dikira, peletakan harga ditentukan bagi aplikasi EP&A yang dihasilkan. Kos pembuatan sebanyak RM 45.00 telah diperuntukkan pada fasa pertama. Kos pembuatan ini digunakan untuk memastikan aplikasi EP&A dapat dimuat turun melalui perisian aplikasi *Playstore*. Manakala kos pembuatan bagi fasa dua tidak melibatkan sebarang kos. Hal ini kerana, ciri yang ditambah tidak menggunakan bahan atau peralatan tambahan. Harga bagi aplikasi EP&A adalah sebanyak RM 45.00 setelah

dibincangkan dan ditentukan oleh kumpulan pengkaji berdasarkan kualiti bahan yang digunakan. Selain itu, aplikasi ini menggunakan beberapa perisian yang tidak memerlukan sebarang kos untuk digunakan. Pengkaji menggunakan perisian aplikasi *Canva*, *Google Sites* dan *Thunkable* yang terdapat di laman web *Google*.

4.3.4 Justifikasi kos pelaksanaan projek

Kos pelaksanaan projek pada fasa pertama bernilai RM 45.00. Setelah penambahbaikan dilakukan pada fasa seterusnya, tiada kos pembuatan projek yang diperlukan. Cadangan bagi peletakan harga projek adalah sebanyak RM 90.00. Pihak pengkaji telah bersetuju untuk mengambil keuntungan sebanyak 100% daripada kos pembuatan aplikasi EP&A. Hal ini kerana, harga aplikasi ini telah ditentukan berdasarkan kepada kombinasi kos penggunaan perisian berbayar, tenaga dan masa ahli pengkaji yang diluahkan sepanjang projek ini berlangsung dari awal hingga selesai projek ini dihasilkan.

4.4 IMPAK PRODUK

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari aplikasi yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Persaingan

Penggunaan aplikasi EP&A ini telah membantu ke arah meningkatkan persaingan dikalangan ejen. Hal ini kerana, penggunaan aplikasi ini dapat membantu ejen meningkatkan prestasi dan pencapaian. Secara tidak langsung setiap ejen akan berusaha lebih baik untuk memastikan pencapaiannya meningkat dan mendahului ejen lain. Masalah persaingan di kalangan ejen berdasarkan pemerhatian pengkaji adalah seperti jadual dibawah.

Jadual 4.4: Impak Produk Terhadap Persaingan

BUTIRAN	Manual	Apps
Kekerapan melakukan periklanan	Tidak Memuaskan	Sangat baik
Kepelbagaian periklanan	Tidak Memuaskan	Sangat baik

b) Impak Produk Terhadap Kos

Perbelanjaan untuk membuat inovasi aplikasi EP&A ini tidak memerlukan kos penghasilan yang tinggi. Syarikat tidak perlu mengeluarkan dana yang banyak untuk memastikan ejen kekal bermotivasi. Oleh itu, ia boleh dikategorikan sebagai menjimatkan kos kerana inovasi ini dicipta dengan percuma dan hanya dalam talian. Selain itu, syarikat tidak memerlukan peruntukan yang tinggi bagi menampal setiap pencapaian ejen di papan kenyataan. Hal ini kerana, syarikat hanya perlu mengemaskini maklumat pencapaian secara atas talian iaitu dengan menggunakan perisian aplikasi *Google Sites*.

c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Projek

Keberkesanan penggunaan aplikasi dapat dilihat dari segi kemudahan kepada banyak pihak seperti pihak pengurusan syarikat mahupun ejen. Hal ini kerana, produk inovasi ini mempunyai ciri *mobility* yang tinggi. Ianya boleh dimuat turun dalam telefon mudah alih dan ianya juga mudah untuk dikendalikan di mana jua. Ini sangat penting bagi syarikat yang menjalankan perniagaan secara online iaitu Syarikat Xceed Serum dalam memastikan motivasi dan persaingan dikalangan ejen dapat ditingkatkan.

Seterusnya, produk inovasi EP&A ini sangat membantu kepada pihak pengurusan syarikat bagi memaparkan pencapaian ejen tanpa perlu lagi mencetak kertas untuk ditampal dipapan kenyataan. Hal ini dapat menjimatkan masa dan kos, dalam masa yang sama ianya merupakan satu keadah yang efektif.

Disamping itu, aplikasi EP&A mempunyai ciri ciri tambahan iaitu strategi pemasaran yang dapat digunakan oleh setiap ejen ketika melakukan periklanan di media sosial. Hal

ini dapat menarik minat ejen untuk sentiasa menggunakan aplikasi EP&A dalam urusan kerja seharian. Secara tidak langsung, ejen juga akan mendapat pendedahan berkaitan dengan aktiviti pemasaran yang terkini.

Jadual 4.5: Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Aplikasi

ASPEK	SEBELUM	SELEPAS
Kebolehcapaian	10%	100%
Kesan terhadap motivasi	30%	80%
Kepuasan pengguna	30%	80%

4.5 PENGKOMERSIALAN

Mengenal pasti pasaran sasaran, merupakan satu langkah penting dalam membincangkan rancangan pengkomersialan. Sasaran pengguna utama bagi aplikasi EP&A ini adalah lebih kepada syarikat yang melakukan perniagaan secara atas talian kerana melalui pemerhatian dan temuduga yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa aplikasi EP&A ini merupakan sistem aplikasi yang berinovasi. Hal ini kerana, dengan adanya aplikasi EP&A masalah untuk meningkatkan motivasi dan persaingan dikalangan ejen dapat diselesaikan. Aplikasi inovasi ini juga akan diperkenalkan kepada seluruh ejen Syarikat Xceed Serum. Namun untuk memastikan setiap ejen memuat turun aplikasi ini, Syarikat Xceed Serum akan menghantar pautan alamat aplikasi bagi dimuat turun oleh setiap ejen.

4.5 RUMUSAN BAB

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan hasil dapatan proses sebelum dan selepas penggunaan aplikasi EP&A di Syarikat Xceed Serum. Oleh yang demikian, aplikasi EP&A didapati sangat berkesan dalam membantu pihak pengurusan memantau prestasi ejen dan juga sesuai untuk dikomersialkan bagi syarikat yang terlibat dalam menyimpan dan mengurus rekod prestasi pekerja.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan projek daripada projek yang telah dijalankan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT (Kekuatan, Kelemahan, Ancaman dan Peluang) bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Kajian juga mencadangkan sesuatu inovasi atau idea baharu berdasarkan dapatan kajian. Signifikan kajian dan implikasi terhadap bidang projek inovasi juga turut dinyatakan.

5.2 KESIMPULAN KESELURUHAN PROJEK

Kesimpulan projek inovasi mengemukakan rumusan secara keseluruhan projek yang dilaksanakan, hasil dan pencapaian projek sama ada mencapai objektif, perancangan dan harapan untuk projek akan datang. Kelemahan dan kelebihan dinyatakan secara ringkas dan tepat. Penemuan projek disimpulkan dengan objektif dan persoalan projek. Kesimpulan daripada penyediaan projek ini dilakukan berdasarkan analisis SWOT yang disediakan oleh pengkaji. Berikut merupakan jadual analisis SWOT yang menjelaskan kesimpulan keseluruhan projek.

Kesimpulannya, aplikasi ini diterima baik oleh pemilik dan seluruh ejen Syarikat Xceed Serum. Walaupun pada awal permulaan aplikasi ini terdapat beberapa kekurangan terutama dari segi kekerapan penggunaan, aplikasi ini akhirnya dapat ditambah baik dan dapat diterima umum. Aplikasi sebegini sememangnya memerlukan jangka masa yang lama untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan. Dengan adanya kerjasama yang diberikan oleh setiap ahli pasukan yang dibimbing oleh penyelia projek, aplikasi ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Setelah pelbagai kajian serta ujikaji yang telah dilakukan ke atas aplikasi ini, didapati bahawa penggunaan EP&A ini berjaya meningkatkan prestasi ejen dan memberi impak yang positif. Secara keseluruhannya, aplikasi ini telah memenuhi kriteria atau objektif projek kerana terdapat peningkatan terhadap motivasi kerja ejen. Aplikasi yang digunakan pula diterima baik kerana mudah dikendalikan.

Jadual 5.1: Analisis SWOT

<p>S (kekuatan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mesra pengguna. • Kos penghasilan yang rendah. • Mudah diuruskan oleh pihak syarikat/majikan.
<p>W (Kelemahan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan hubungan rangkaian internet.
<p>O (Peluang)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Peluang syarikat untuk meningkatkan motivasi ejen. • Peluang syarikat untuk meningkatkan persaingan kerja dikalangan ejen. • Peluang syarikat untuk meningkatkan jumlah jualan dan keuntungan
<p>T (Ancaman)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh dimanipulasi oleh syarikat lain kerana masih belum mendapat hakcipta.

Penjelasan dan huraian analisis SWOT.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, antara kekuatan aplikasi EP&A adalah mesra pengguna. Hal ini kerana, aplikasi ini dapat dimuat turun dalam telefon mudah alih. Ia membolehkan ejen menggunakan aplikasi ini walaupun berada di lokasi berbeza. Selain

itu, aplikasi EP&A ini dapat memudahkan pihak pengurusan Syarikat Xceed Serum dalam menguruskan pencapaian ejen. Syarikat hanya perlu menyunting maklumat pencapaian ejen melalui laman *Google Sites* sahaja dan ia akan terus dipaparkan pada halaman antara muka aplikasi EP&A. Disamping itu, penghasilan aplikasi EP&A tidak memerlukan kos penghasilan yang tinggi. Oleh itu, ia sangat sesuai untuk digunakan terutama terhadap syarikat yang baru ditubuhkan dan menguruskan sistem pekerja.

Berdasarkan hasil pemerhatian pengkaji mendapati kelemahan aplikasi EP&A ialah memerlukan sambungan rangkaian internet. Hal ini kerana, segala data hanya disimpan pada *Google Sites* sahaja. Oleh itu, ia memerlukan internet untuk menghubungkan aplikasi EP&A dengan *Google Sites* tersebut.

Melalui dapatan kajian yang dilakukan, mendapati aplikasi EP&A berpotensi untuk meningkatkan motivasi ejen kerana syarikat memberi penghargaan dengan cara memaparkan wajah setiap ejen dalam aplikasi ini. Selain itu, aplikasi EP&A ini juga berpotensi untuk meningkatkan persaingan dikalangan ejen. Hal ini kerana, setiap ejen dapat membandingkan prestasi mereka dengan ejen yang lain. Disamping itu, aplikasi EP&A ini dapat meningkatkan jualan syarikat kerana setiap ejen bersaing antara satu sama lain untuk memastikan prestasi jualan mereka mendahului ejen yang lain.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji mendapati aplikasi EP&A berisiko untuk dimanipulasi oleh syarikat lain kerana aplikasi ini belum mendapat hakcipta.

5.3 CADANGAN

A) Cadangan Penambahbaikan Projek Inovasi

Cadangan penambahbaikan ialah penyenaaran idea baharu atau cadangan beberapa projek atau kajian lanjutan untuk memantapkan lagi dapatan kajian dalam bidang yang dikaji. Antara cadangan penambahbaikan adalah:

- 1) Tempoh penghasilan dijalankan dengan lebih lama untuk meningkatkan kualiti penghasilan aplikasi. Oleh itu, aplikasi tersebut perlulah mempunyai bahagian yang memaparkan ganjaran yang akan diterima oleh ejen apabila berjaya mencapai sesuatu sasaran yang telah ditetapkan.
- 2) Mempelbagaikan fungsi item dalam aplikasi bagi memudahkan ejen untuk memberikan cadangan atau menyatakan masalah yang sedang dihadapi. Contoh item yang perlu ditambah ialah *Chat Box*. Di mana fungsinya adalah untuk memastikan setiap ejen dapat berkomunikasi secara langsung dengan pihak atasan tanpa kekangan.
- 3) Menghasilkan penjana jumlah jualan setiap ejen secara automatik bagi mendapatkan nilai jualan yang tepat.

B) Cadangan Pengkomersialan Projek Inovasi

Aplikasi ini mempunyai ciri-ciri yang boleh dikomersialkan kepada pihak industri dalam membantu menyelesaikan permasalahan untuk meningkatkan motivasi pekerja. Aplikasi ini berpotensi untuk dikenali dalam pasaran kerana ia mesra pengguna dan mudah diuruskan oleh pihak syarikat. Disamping itu, syarikat yang terlibat dengan pengurusan terhadap data pekerja dan melibatkan pencapaian amatlah sesuai menggunakan aplikasi ini yang dapat diakses secara atas talian. Ciri-ciri ini amatlah bersesuaian bagi syarikat yang mempunyai pekerja yang berada di lokasi yang berbeza.

5.4 LIMITASI PROJEK

Pengkaji juga menghadapi limitasi atau halangan dalam menjalankan kajian. Limitasi projek merupakan implikasi terhadap bidang kajian yang dikemukakan. Terdapat tiga aspek yang boleh dijadikan asas dalam penulisan batasan kajian seperti berikut:

- Batasan masa adalah membataskan masa atau tempoh tertentu pada objek kajian.

- Batasan bidang kajian adalah menghadkan bidang atau *niche* kajian pada aspek tertentu sahaja.
- Batasan lokasi kajian adalah membataskan kajiannya pada lokasi-lokasi tertentu bagi memudahkan penyelidikan, menjimatkan kos dan kajian lebih terfokus.

Kajian ini hanya membataskan kepada responden pemilik dan ejen Syarikat Xceed Serum dengan saiz sampel seramai 10 ejen, di mana lokasinya hanyalah di Syarikat Xceed Serum bagi tujuan mencapai objektif kajian.

Pengkaji menggunakan soalan temubual untuk mendapatkan maklumat dan membantu dalam penghasilan aplikasi ini.

Kajian ini hanya memfokuskan kepada kajian berdasarkan projek inovasi EP&A dalam bidang logistik dan rantai bekalan.

5.5 RUMUSAN

Platform yang digunakan untuk menghasilkan aplikasi EP&A adalah perisian aplikasi *Canva*, *Google Sites*, dan *Thunkable*. Sebelum aplikasi EP&A diwujudkan, Syarikat Xceed Serum menggunakan kaedah manual iaitu mencetak kertas untuk ditampal dipapan kenyataan syarikat. Keunikan aplikasi ini ialah ia dapat menjimatkan kos dan masa, ia juga mudah digunakan dan membantu meningkatkan motivasi ejen. Selain itu, aplikasi ini meningkatkan persaingan di kalangan ejen dengan memaparkan prestasi semasa bagi setiap ejen secara terbuka.

Setiap projek yang dibangunkan mempunyai kepentingan dan objektifnya yang tersendiri, begitu juga aplikasi EP&A ini. Walaupun pada awalnya terdapat kekurangan, pengkaji berjaya mencapai objektif kajian yang dinyatakan. Berdasarkan kesimpulan yang telah dibuat, para pengkaji dapat melihat aplikasi ini diterima baik oleh para ejen. Ini kerana, keperluan mereka telah kami penuhi dengan sebaiknya. Oleh itu, kami berharap aplikasi

ini dapat diteruskan agar dapat diterima semua pekerja serta mendapat nilai komersial secara meluas. Akhir sekali, penghasilan inovasi yang hebat ini dirasakan perlu diperluaskan bagi meningkatkan motivasi kerja ejen.


RUJUKAN

- Abdul Gusau, Adeel, Ding, X., Li, Q., Zhang, H., Sheng, Z. & Wang, Z. 2017. "Linking transformational Leadership and work outcomes in temporary organizations: A social identity approach". *International Journal of Project Management*, 35, 543–556
- Abdul Aziz, M. (2021). Syarikat Malaysia berupaya tembusi pasaran luas AI-MIDA. *New Straits Times*.
- Anthony, M. G., Ingrid, S., Raj, V., Lea, K., Bronwyn, P., & Sean, O. (2017). The impact of leadership coaching in an Australian healthcare setting. *Journal of Health Organization and Management*, Vol. 31 Issue: 2, pp.237-252.
- Butar-Butar, M. A. (2017). Aplikasi Penginputan Nilai Siswa SMA Negeri 1 Kabanjahe Berbasis Android.
- Hudin, n.S., Hamid, A.B.A., chin, T.A. & fadly, n. 2017. Exploring Supply chain Risks Among Malaysian Automotive SMEs. *Proceedings of INTCESS (4th International Conference on Education and Social Sciences 6 August 2017)*.
- Herlinda Padillah, Yulison Herry Chrisnanto, Agung Wahana. 2016. Model Supply Chain Operation Reference (Scor) Dan Analytic Hierarchy Process (Ahp) Untuk Sistem Pengukuran Kinerja Supply Chain Management. Universitas Jenderal Achmad Yani, Bandung.
- Omer, Hakan, K. O. Ç. (2018). Tools of Motivation According to The Competing Values Framework in Organizational Culture Types: An Implementation in Accommodation Establishments. *Afyon Kocatepe Üniversitesi Sosyal Bilimler Dergisi*, 20(3), 251-260.
- Jacyna I.; Izdebski, M.; Podvieszko A. 2017. Assessment of efficiency of assignment of vehicles to tasks in supply chains: a case study of a municipal company, *Transport*32(3): 243–251.
- Katou, A. A. (2017). How does human resource management influence organisational performance? An integrative approach-based analysis. *International Journal of Productivity and Performance Management*.
- Kausar, K., Garg, D., & Luthra, S. (2017). Key enablers to implement sustainable supply chain management practices: An Indian insight. *Uncertain Supply Chain Management*, 5(2), 89-104.

- Mustapa, M. (2020). Faktor Motivasi Pekerja di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 59-70.
- Mubiena, G. F. 2016. Penerapan Produksi Lean Dalam Meningkatkan Performansi Rantai Pasok Melalui Model Hybrid SCOR 11.0-Sistem Dinamik. Institut Teknologi Bandung, Bandung, Indonesia.
- Pena, W. A. P., Amali, L. N., Rohandi, M., & Setiawan, E. (2020). Pengembangan Sistem Informasi Berbasis Web. *Jambura Journal of Informatics*, 3(1), 20-28.
- Soares, A., Soares, A., Soltani, E., Soltani, E., Liao, Y. Y., & Liao, Y. Y. (2017). The influence of supply chain quality management practices on quality performance: an empirical investigation. *Supply Chain Management: An International Journal*, 22(2), 122-144.
- Sawitri, S. (2016). Pengaruh Teknologi Informasi, Pemanfaatan Teknologi Informasi, Efektivitas Penggunaan Dan Kepercayaan Teknologi Informasi Terhadap Kinerja Individual (Survei Pada Kantor Pelayanan Pajak Pratama Sukoharjo) (Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Surakarta).

LAMPIRAN

Carta Gant

																		
		DPB 50163 GANTT CHART 1 2021/ 2022 SESSION																
CONTENT	DATE/WEEK	01/03-07/03	27/09-01/10	04/10-08/10	11/10-15/10	18/10-22/10	25/10-29/10	01/11-05/11	08/11-12/11	15/11-19/11	22/11-26/11	29/11-03/12	06/12-10/12	13/12-17/12	20/12-24/12	27/12-31/12	03/01-07/01/2022	
		W1	W2	W3	W4	W5		W6	W7	W8	W9	W10	W11	W12	W13	W14		
1.0 INTRODUCTION TO BUSINESS PROJECT																		
Introduction to types of project which can be implemented in the business field.	R					P	M										V	F
Formation of groups	E					R	I										I	I
Prepare the supplementary materials	G					O	D										V	N
2.0 PROJECT SELECTION AND PLANNING	I					P											A	A
Propose a suitable topic for the project	S					O	S											L
Produce new innovation for business product/services	T					S	E										P	
Prepare elements of situational analysis	R					A	M										R	S
3.0 PRESENTATION OF PROJECT PROPOSAL	A					L	E										E	U
Develop the title of project, introduction, business problems or issues, objective, justification of project selection & scope of project	T					S											S	B
Explain the contents of project proposal	I						T										A	M
Construct a Gantt chart (time frame)	O						E										N	I
Apply the writing format	N						R										T	S
4.0 PROJECT IMPLEMENTATION								P	B								A	S
Accomplish Business Project within the time frame								R	R								T	I
Describe the the project over view	W							E	E								I	O
Identify problems/ issues of business.	E							E	E								O	N
Conduct situational analysis:SWOT/PEST/5C's/Porter 5 Forces analysis or any other methods.	E							S	A								N	
Recognize background and current business situation.	K							A	K									
Conduct data analysis and interpretation.								N										
Write recommendations and suggestions to address the issues.								T										
5.0 BUSINESS PROJECT REPORT								A										
Identify the requirements to produce a complete report								T										
Prepare a report based on the given business project format								I										
State the description of the project								O										
State the findings and results.								N										
Summarise the project results.																		
Recommend suitable suggestions and solutions to address the business issue.																		
Create data visualisation to present the results																		
Organize drawings, sketches, graphs, calculations and other supporting data or documents.																		
List the references used in producing the report.																		
6.0 BUSINESS PROJECT PRESENTATION																		
Demonstrate a capacity to communicate project results through oral presentation using multimedia audio visual aids.																		
Demonstrate a capacity to communicate project result																		
Create effective visual aids to enhance presentation																		
Demonstrate effective application of multimedia audio visual aids																		
Show the viability of the proposed solutions to address the business issue																		